

**200 Penduduk Miskin Parlimen Gua Musang Bakal Menerima Bantuan Kasih Felda Bernama
30 Julai, 2012**

GUA MUSANG, 30 Julai (Bernama)- Seramai 200 penduduk miskin yang tinggal berhampiran Tanah Rancangan Felda di kawasan Parlimen Gua Musang, bakal menerima bantuan Kasih Felda sebanyak RM1 juta, bagi program membaik pulih rumah mereka sebelum menyambut Aidilfitri ini.

Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Paloh, Datuk Nozula Mat Diah berkata bantuan bawah program itu membabitkan RM5,000 sekeluarga, mampu memberikan mereka tinggal dalam keadaan rumah yang selesa.

"Saya mengakui ramai penduduk miskin yang tinggal berhampiran tanah rancangan terbabit tidak mempunyai pekerjaan tetap, sebaliknya mengharapkan kepada pekerjaan sendiri yang tidak mampu membaik pulih rumah yang uzur.

"Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang meluluskan bantuan Kasih Felda itu kepada golongan berkenaan, supaya mereka merasai kemajuan dicurahkan di Tanah Rancangan Felda seluruh negara," katanya ketika berucap pada majlis penyampaian durian runtuh RM5,000 kepada 167 isteri peneroka Felda Tanah Rancangan Felda Aring 1 di sini, Isnin.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=684119>

